

NEWS CLIPPING

MEDIA: Berita Harian

DATE: 19 November 2014

SECTION/PAGE: Bisnes / Pg B2

Arup Jururunding dapat kontrak RM44.4j

» Dilantik perunding reka bentuk bawah tanah MRT Aliran 2 Lembah Klang

puti lapan stesen bawah tanah baharu dan kerja penyediaan untuk Stesen Tun Razak Exchange yang menjadi pusat pertukaran antara kedua-dua aliran itu.

“Syarikat itu juga akan mengeluarkan reka bentuk rujukan untuk semua struktur dan bangunan lain seperti terowong, portal, syaf, jalan sisi dan pengudaraan,” kata MRT Corp dalam satu kenyataan, semalam.

Rekod antarabangsa kukuh

Menerusi kontrak 32 bulan itu, syarikat terbabit akan membantu MRT Corp dalam proses tender untuk pakej kerja bawah tanah MRT Aliran 2.

Ini termasuk penyusunan dokumen tender, menilai permohonan teknikal daripada penender dan membuat penilaian ke atas reka bentuk dan teknikal awam dan permohonan reka bentuk kontraktor.

MRT Corp berkata, Arup Jururunding adalah antara tujuh

syarikat yang memohon tender untuk kontrak itu, dan semasa proses penilaian.

Pemilihan firma perunding kejuruteraan yang terkenal di peringkat antarabangsa itu berasarkan kedudukan kewangan dan teknikalnya, selain rekod antarabangsa dalam projek MRT yang kukuh serta pengalaman berkaitan.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Wira Azhar Abdul Hamid, berkata pelantikan Arup Jururunding menandakan permulaan kerja awal untuk MRT Aliran 2.

“Dengan kemajuan Aliran Sungai Buloh-Kajang yang sekarang ini mencapai tahap pertengahan, kerja persediaan bagi Aliran 2 perlu dimulakan,” katanya.

Aliran 2 akan bermula dari Sungai Buloh ke Serdang dan Putrajaya, meliputi jarak kira-kira 59.5 kilometer. Ia akan mempunyai 40 stesen, termasuk sembilan stesen bawah tanah.



“ Dengan kemajuan Aliran Sungai Buloh-Kajang yang sekarang ini mencapai tahap pertengahan, kerja persediaan bagi Aliran 2 perlu dimulakan ”

Azhar Abdul Hamid,
Ketua Pegawai
Eksekutif MRT Corp

Arup Jururunding Sdn Bhd dilantik sebagai perunding rujukan reka bentuk bawah tanah bagi MRT Aliran 2 Lembah Klang, yang meliputi MRT Aliran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (Aliran SSP).

Kontrak bernilai RM44.4 juta itu adalah yang pertama diberikan oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) untuk laluan terbahit.

Skop kerja Arup Jururunding merangkumi reka bentuk rujukan untuk bahagian bawah tanah MRT Aliran 2, yang meli-